



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2 MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri bagi 13 negeri di Malaysia termasuk Negeri Terengganu telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 15 November 2021.

3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Prestasi di Jabatan/Agensi Negeri

Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa, iaitu The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di Negeri Terengganu, iaitu Program Kemasyarakatan dan Projek Kecil Pembangunan Dewan Undangan Negeri; serta Pengurusan Hartanah Pelaburan.

3.1.1. Program Kemasyarakatan dan Projek Kecil Pembangunan Dewan Undangan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program kemasyarakatan dan projek kecil pembangunan Dewan Undangan Negeri yang dilaksanakan di Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Daerah Besut dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu adalah memuaskan daripada aspek pelaksanaan projek kecil pembangunan berbanding sasaran. Bagaimanapun, tidak dapat ditentukan sama ada program/projek yang dilaksanakan telah memenuhi keperluan rakyat seperti yang dihasratkan kerana tiada mekanisme/indikator tertentu diwujudkan bagi menilai pencapaian keberhasilan program/projek tersebut.

- b. Aspek pengurusan pula masih mempunyai kelemahan seperti pelaksanaan program yang tidak selari dengan Garis Panduan Dewan Undangan Negeri, ada pembekalan/projek yang tidak dibekalkan sepenuhnya/tidak mengikut spesifikasi serta berlaku ketirisan wang awam yang disebabkan oleh tuntutan palsu.

3.1.2. Pengurusan Hartanah Pelaburan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)

- a. Secara keseluruhannya, hartanah pelaburan PMINT tidak diuruskan dengan cekap dan berkesan. Bagi aspek prestasi aktiviti, peratus penyewaan berbanding lot tersedia menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2020, namun sasaran hasil sewaan masih tidak dapat dicapai.
 - b. Pengurusan aktiviti pelaburan pula tidak cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek penguatkuasaan terhadap tunggakan hasil dan berlaku kehilangan hasil sewaan yang berpunca daripada kegagalan PMINT menguatkuasakan klausa perjanjian mengenai kajian semula kadar sewa. PMINT juga menanggung kerugian daripada pelaburan projek usaha sama di Paya Bunga (PB) Plaza.
4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan tiga syor terhadap Program Kemasyarakatan dan Projek Kecil Pembangunan Dewan Undangan Negeri dan tiga syor terhadap Pengurusan Hartanah Pelaburan PMINT untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 15 November 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 15 November 2021 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

15 November 2021
10 Rabiul Akhir 1443H